



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

PROGRAM

KONVENSYEN PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN
AWAL KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2023

PADA

9 JUN 2023 (JUMAAT), JAM 2.30 PETANG

BERTEMPAT

DI DEWAN

NUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA

DAN MASYARAKAT

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizininanNYA kita semua dapat berkumpul di majlis yang sangat bermakna pada pagi ini.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur yang sudi menjemput saya bagi merasmikan **Konvesyen Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan 2023 (Konvensyen PAKK 2023)** yang julung kali diadakan dengan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Berdaftar Malaysia (PPBM). Terima kasih saya ucapkan kepada Datuk, Datin, Puan dan Tuan yang dapat hadir pada program ini.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

3. Konvensyen PAKK 2023 ini diadakan kerana semakin banyak pihak yang membincangkan isu penderaan, kematian serta kecuaiian dalam asuhan dan penjagaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Tetapi, TASKA merupakan tempat bersandar kaum ibu

yang bekerja, dan Amanah pengusaha dan pengasuh di TASKA sememangnya berat. TASKA merupakan rumah kedua anak kecil, dan di sini lah mereka belajar untuk bersosial, berkongsi, dan juga tempat si anak mengambil langkah pertama.

4. Sehubungan dengan itu, dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, kita semua memainkan peranan yang sangat penting, kerana anak-anak ini lah masa depan negara. Ia menjadi tanggungjawab pemain industri (*industry players*) seperti PPBM dan juga Kerajaan untuk mengambil langkah proaktif dalam memastikan mereka dalam industri ini seperti pengasuh, pengusaha, ibubapa dan juga komuniti, menjalankan amanah dengan baik.
5. Sebagai contoh, pertama, kita perlu mengadvokasikan kempen '**Hantar yang Berdaftar**'. Kita perlu tingkatkan kesedaran ibu bapa terhadap keperluan menghantar anak ke tempat yang berdaftar. TASKA yang berdaftar akan ada ilmu pengetahuan Pendidikan awal kanak-kanak dan disiplin pengasuhan, serta pengetahuan perundangan, dasar, maklumat dan amalan terbaik yang berkaitan.

6. Kedua, ibubapa dan rakan pengasuh yang curiga atau tahu berlakunya penderaan atau pengabaian atau tindakan yang tidak wajar ke atas kanak-kanak, berani lah untuk tampil ke hadapan dan laporkan kepada pihak berkausa. Boleh datang kepada kami atau polis supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

7. Ketiga, sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk TASKA bagi kanak-kanak di bawah 4 tahun, kita mesti sentiasa menambah baik sistem operasi supaya tiada kekangan di lapangan. Dalam hal ini, saya berharap hubungan dan kolaboratif strategik antara Kementerian dan PPBM berjalan dengan baik demi manfaat dan kemaslahatan kumpulan sasar Jabatan serta masyarakat keseluruhannya. Saya sering mendapat rungutan daripada pengusaha yang mahu beroperasi secara sah dan berdaftar tetapi menghadapi karenah birokrasi membabitkan isu teknikal di pihak PBT. Kita tahu ini adalah kuasa PBT. Tetapi saya rasa ini boleh ditambah baik, sebagai contoh, sekiranya semua PBT mempunyai budi bicara dan peraturan yang selaras. Jadi, **saya akan bawa dan bincang isu ini dengan rakan saya YB Menteri KPKT untuk memudah carakan atau**

***facilitate* pengusaha TASKA kita untuk beroperasi secara sah tanpa berkompromi dengan soal keselamatan.**

8. Keempat, sebagai langkah tidak berkompromi atas nama keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak kecil, kita akan tingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terutamanya ke atas TASKA yang beroperasi secara tidak sah.
9. Ini adalah antara langkah-langkah yang boleh sememangnya sangat penting agar semua pihak lebih memahami mengenai perundangan dan tanggungjawab yang dipikul.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

10. Saya berharap bahawa program dan pengisian hari ini dapat menyatukan semua warga TASKA yang terdiri daripada penggubal dasar, Persatuan-persatuan TASKA negeri dan daerah, para pengusaha dan pengasuh serta ibu bapa. Semoga kerjasama hari ini merupakan ikatan yang mewujudkan kesefahaman serta meningkatkan lagi kualiti TASKA ke arah yang

terbaik demi kebajikan anak-anak Malaysia.

11. Saya yakin dan percaya bahawa Konvensyen PAKK 2023 ini dapat menggalakkan seluruh warga TASKA sama-sama merasai kebertanggungjawaban bersama dalam mendokong aspirasi Kerajaan sebagai sebuah keluarga menyediakan kanak-kanak generasi pelapis negara ini menjadi aset negara yang sangat bernilai.

12. Besar harapan saya agar Konvensyen PAKK 2023 ini dapat memberi informasi berguna kepada semua yang hadir dan menjadi panduan dalam pengoperasian TASKA. Para hadirin harus menyebarkan luaskan segala informasi berguna kepada pihak yang tidak berpeluang mengikuti program kali ini.

13. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur dan seluruh warga kerja JKM terutamanya Bahagian Kanak-kanak dan PPBM serta Persatuan Negeri dan Daerah serta hadirin sekalian.

14. Dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIM,**
SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN
KONVENSYEN PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN
AWAL KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2023.

Sekian, terima kasih

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

9 JUN 2023